

KEENGGANAN MEMBAYAR ZAKAT

**MENURUT PERSPEKTIF SYARAK
DAN PERUNDANGAN ISLAM
DI MALAYSIA**

AZMAN AB RAHMAN
AMIRUDDIN MOHD SOBALI
SYED MOHD NAJIB SYED OMAR



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية في ماليزيا
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



PUSAT, PUNGUTAN ZAKAT

KEENGGANAN MEMBAYAR **ZAKAT**

*MENURUT PERSPEKTIF SYARAK
DAN PERUNDANGAN ISLAM
DI MALAYSIA*



KEENGGANAN MEMBAYAR ZAKAT

***MENURUT PERSPEKTIF SYARAK
DAN PERUNDANGAN ISLAM
DI MALAYSIA***

**AZMAN AB RAHMAN
AMIRUDDIN MOHD SOBALI
SYED MOHD NAJIB SYED OMAR**

**Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2012**

CETAKAN PERTAMA 2012
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-798 8226 Faks: 06-798 6083
www.usim.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh:

ALIFF RESOURCES
No. 407C, Kompleks Diamond
Bangi Business Park
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor
Tel: 03-8210 0186 Faks: 03-8210 2187

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Azman Ab. Rahman

Keengganan membayar zakat menurut perspektif syarak dan perundangan Islam di Malaysia / Azman Ab. Rahman, Amiruddin Mohd Sobali, Syed Najib Syed Omar.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 92-96

ISBN 978-967-0393-01-8

1. Zakat. 2. Islam-Charities. I. Amiruddin Mohd Sobali.

II. Syed Najib Syed Omar III. Judul.

297.54

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar		iii
Prakata		v
Penghargaan		vii
Pendahuluan		1-2
Bab 1	Pandangan Ulama Tentang Keengganan Membayar Zakat dan Hukumannya	3 - 22
Bab 2	Pendekatan Al-Quran Tentang Keengganan Membayar Zakat	23 - 36
Bab 3	Pendekatan Hadis Tentang Keengganan Membayar Zakat	37 - 54
Bab 4	Kesalahan Keengganan Membayar Zakat Menurut Perundangan Islam di Malaysia	55 - 72
Penutup		73 - 74
Bibliografi		75 - 80
Indeks		81 - 82

KATA PENGANTAR

Kebanyakan buku-buku berkaitan zakat dibincangkan secara ilmiah berdasarkan susunan kitab-kitab turath yang bermula dengan takrif, pensyariatan, rukun, jenis dan perincian jenis zakat disertai dengan pandangan ulama dalam hal-hal furu'. Amat jarang kita temui perbincangan ilmiah yang mengupas secara mendalam isu-isu tertentu yang berkaitan dengan zakat melainkan dalam seminar, konvensyen atau persidangan yang kebiasaannya dihadiri oleh ahli-ahli akademik dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan zakat. Sehubungan dengan itu, buku ini diterbitkan adalah sebagai usaha untuk memenuhi kelompangan-kelompangan yang ada dan menjadi salah satu bahan bacaan tambahan untuk masyarakat yang telah pun mempunyai pengetahuan asas dalam bab zakat.

Buku "Keengganan Membayar Zakat Menurut Perspektif Syarak dan Perundangan Islam di Malaysia" memberi penekanan kepada kaedah pemulihan yang dianjurkan oleh al-Quran dan diperkemas lagi dengan pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW kepada golongan-golongan yang enggan mengeluarkan zakat. Perbincangan juga akan turut merangkumi pandangan daripada perspektif perundangan Islam yang sedia ada di Malaysia.

Pada saat era ledakan pengetahuan dan telekomunikasi sedang berkembang pesat, sudah sampai masanya pengetahuan berasaskan ilmu Islam diketengahkan dalam bentuk praktikal dan tidak lagi dibiarkan tersimpan sebagai manuskrip kuno yang memerlukan pelbagai disiplin ilmu sampingan untuk memahaminya. Segala bentuk teori dan prinsip yang telah dicerna oleh cendekiawan Islam lampau perlu menjalani proses penyelidikan dan pembangunan untuk membuktikan bahawa ilmu-ilmu itu bersifat *universal* yang sesuai di amalkan sepanjang zaman. Tugas ini perlu digalas oleh masyarakat Muslim daripada satu generasi ke generasi sehingga akhir zaman.

Penerbitan buku ini merupakan salah satu kesinambungan usaha daripada penulisan ulama-ulama terdahulu yang berkaitan dengan zakat tetapi menggunakan kaedah perbahasan terkini yang memberi fokus

kepada isu keengganan membayar zakat di kalangan umat Islam, walaupun masih terkawal, sedang menular dalam masyarakat tanpa kita sedari akibat kemerosotan tahap keimanan dalam diri manusia. Semoga buku ini dapat memberi maklumat asas tambahan kepada masyarakat yang berminat untuk mengetahui dan memahami tentang kesan keengganan membayar zakat dalam Islam dan perundangan di Malaysia.

Tuan Haji Mohd Rais Bin Haji Alias
Pengurus Besar,
Pusat Pungutan Zakat,
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله وكفى، والصلاة والسلام على عبده المصطفى، وعلى آله وصحبه ومن
تبعه بإحسان إلى يوم الدين، أما بعد:

Buku ini merupakan hasil usaha para pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai sumbangan kepada masyarakat dalam menambah koleksi penulisan khususnya dalam bidang zakat. Tercetusnya idea penulisan buku ini berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dilakukan oleh para penulis, yang mendapati masih tidak terdapat sebuah buku yang khusus dan terperinci membincangkan tentang isu keengganan membayar zakat dari aspek perspektif Islam dan perundangan di Malaysia.

Bagi memastikan buku ini menepati keperluan masyarakat dan kehendak universiti, ia digabungkan dengan elemen syariah dan disokong dengan pendekatan al-Quran dan hadis. Manakala dari segi perundangan zakat di Malaysia, semua enakmen atau akta yang berkaitan dengan perundangan zakat khususnya dalam skop keengganan membayar zakat dibincangkan secara terperinci. Kesungguhan para penulis merupakan satu kredit yang amat bernilai dalam memartabatkan perkongsian ilmu dan menjadi pemangkin kepada penyelesaian permasalahan semasa secara akademik.

Pada era ini, kupasan terhadap isu semasa khususnya berkaitan dengan keengganan membayar zakat adalah amat relevan kerana ini menggambarkan bahawa ilmu itu bukan hanya untuk para ilmuwan tetapi juga harus dikongsi dan diberi penerangan kepada segenap lapisan masyarakat supaya mereka memahami setiap perkara yang disyariatkan oleh Allah SWT. Berdasarkan kajian dan pemerhatian penulis juga, kebanyakan masyarakat lebih cenderung membayar cukai daripada membayar zakat. Apabila tiba tempoh bulan membayar cukai orang berlumba-lumba membayar cukai disebabkan mereka mengetahui bahawa tindakan akan dikenakan sekiranya tidak berbuat demikian.

Namun, dalam aspek membayar zakat, tahap kesedaran masih lagi rendah jika dibandingkan dengan mereka yang layak membayar zakat dan nisbah penduduk Islam di Malaysia. Penulisan ini sedikit sebanyak diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan membayar zakat dan kesan yang akan dikenakan sekiranya enggan membayar zakat sama ada hukuman di dunia mahupun di akhirat. Di samping itu, ia secara tidak langsung dapat memperkasakan kutipan zakat dan meningkatkan bilangan pembayar zakat di di Malaysia.

Diharap buku ini dapat membantu pusat zakat dan baitulmal serta pihak-pihak tertentu dalam memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kewajipan berzakat dan hukuman yang akan dikenakan sekiranya enggan membayar zakat. Di samping dapat meneruskan perintah Islam dalam menyebarkan ilmu pengetahuan kepada seluruh umat.

Penulis

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

6 November 2011/10 Zulhijjah 1433H

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang sudi membiayai penerbitan buku ini. Sekalung penghargaan juga kepada Tuan Haji Rais Bin Haji Alias, Pengurus Besar, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang sentiasa menyokong dalam menjayakan penerbitan buku ini. Tidak lupa juga kepada ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam memberi sumbangan dan idea dalam menghasilkan penulisan dan buku ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan penulis yang bertungkus-lumus dan bersungguh-sungguh dalam mencari maklumat serta menyiapkan penulisan ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha dan menjadikannya sebagai amalan soleh, Insya-Allah.

PENDAHULUAN

Zakat adalah salah satu daripada lima tunjang yang menjadi asas kepada Islam selain solat, haji dan berpuasa di bulan Ramadan. Selain daripada menjadi tanggungjawab ibadat yang wajib dilakukan oleh semua umat Islam, zakat turut berperanan sebagai medium pengagihan nikmat kekayaan sesama masyarakat dan cara membasmi masalah kemiskinan yang paling berkesan sekiranya dilakukan secara telus dan ikhlas.

Kepelbagaian fungsi zakat ini telah meletakkannya di kedudukan yang unik. Dengan kedudukan ini, zakat boleh disifatkan sebagai ibadat dalam bentuk pembiayaan yang bersifat ibadat. Berdasarkan kedudukannya inilah juga zakat tidak hanya diperkatakan oleh para fuqaha dalam bab ibadat semata-mata, tetapi juga dinyatakan pada bab pengurusan harta, sosial, kebajikan, jihad dan pemerintahan atau *siyasah* (Mahmood Zuhdi: 2003).

Islam amat menitikberatkan soal keadilan dan kesaksamaan dalam sistem ekonomi. Oleh sebab itulah golongan kaya yang mempunyai kelebihan dari sudut harta benda dituntut supaya mengeluarkan sebahagian hartanya untuk disalurkan kepada golongan miskin dan yang memerlukan.

Terdapat banyak ayat al-Quran pada peringkat awal Islam yang menyebut tentang “memberi makan kepada orang-orang miskin”, “membelanjakan (infaq) rezeki yang dikurniakan Allah” dan “menunaikan hak peminta dan mereka yang tidak mampu”. Malah telah disebut juga “zakat” sebagai satu istilah dalam usaha-usaha itu.

Jika diselidiki tentang ayat-ayat yang berkaitan zakat, didapati bahawa sebenarnya perintah ini bukan sahaja dikenakan ke atas umat Nabi Muhammad, malahan juga telah dikenakan ke atas penganut-penganut agama langit terdahulu. Ini bermakna, zakat adalah satu program membasmi kemiskinan sejak zaman-berzaman sebelum diutuskan Nabi Muhammad lagi. Misalnya dalam al-Quran Allah menyebut tentang nabi Ibrahim, Ishaq dan Ya‘qub:

﴿ وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ
الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَابِدِينَ ﴾

Maksudnya: “Dan Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah kami, dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan hanya kepada Kamilah mereka sentiasa menyembah”

(Al-Quran. Al-Anbiya’: 73).

Al-Quran juga turut menyebut tentang Nabi Isa a.s iaitu:

﴿ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴾

Maksudnya: “Dan Dia (Allah) memerintah kepadaku mendirikan solat dan menunaikan zakat selama aku hidup”

(Al-Quran. Maryam: 31).

Berdasarkan latar belakang inilah, maka zakat kemudiannya diwajibkan pada peringkat Islam di Madinah. Ia diwajibkan sesudah diwajibkan sembahyang pada malam Israk dan Mi’raj dan puasa pada tahun kedua Hijrah. Mengikut para fuqaha, tarikh sebenar ia diwajibkan tidak begitu pasti, tetapi yang nyata ia tidak lewat daripada tahun ke-5 hijrah (Al-Asqalaniyy: t.th).

Zakat merupakan satu kewajipan yang perlu ditunaikan oleh setiap Muslim yang telah cukup syarat-syaratnya seperti yang ditetapkan oleh para fuqaha dan kaedah yang didatangkan oleh Syarak untuk membersihkan harta daripada perkara-perkara syubhah dan meragukan. Zakat yang ditunaikan juga dapat menyuburkan lagi harta seseorang. Ini bererti orang yang mengeluarkannya tidak sedikit pun akan rugi, bahkan keberkatan akan meliputi segala hartanya yang lain. Seandainya setiap individu Muslim memahami dan menghayati tujuan zakat diwajibkan, maka tidak akan ada umat Islam yang masih hidup dalam keadaan kelaparan di dunia ini.

PENUTUP

Zakat memainkan peranan yang amat besar dalam menjamin kehidupan umat Islam dari segi kedudukan ekonomi. Hal ini sekaligus memberi impak dari segi sosio budaya umat. Sekiranya ekonomi sesebuah umat kuat dan mantap, baiklah keadaan masyarakatnya dengan proses kehidupan harian berjalan lancar, kebajikan yang terpelihara, yang senang terus menabur bakti dan yang susah mendapat perhatian yang sewajarnya. Inilah indahnya Islam yang mengatur kehidupan umat yang saling hidup bertolong bantu dan berkasih sayang dengan penyyaritan zakat.

Lantaran itulah ia merupakan rukun Islam yang ketiga selepas ucapan dua kalimah syahadah dan solat lima waktu sebagai rukun Islam kedua. Kewajipannya yang digandingkan dengan kewajipan solat menunjukkan ia mempunyai kaitan rapat dalam pengabdian diri seseorang hamba kepada Allah SWT. Jika solat itu adalah hubungan langsung seorang hamba dengan Allah SWT, maka zakat pula adalah hubungan langsung sesama insan.

Para tokoh ilmuwan Islam telah sepakat tentang hukuman terhadap mereka yang enggan membayar zakat. Jika keengganan itu disebabkan hawa nafsu sedangkan seseorang itu percaya akan kewajipannya, maka dia telah melakukan satu dosa besar, tetapi jika dia enggan kerana jahil tentang kewajipannya, maka dia dimaafkan dan perlu diterangkan kewajipan membayar zakat. Bagi yang tahu kewajipan zakat tetapi mengingkarinya maka dia telah kufur dan terkeluar daripada Islam. Inilah pandangan yang dikemukakan tokoh-tokoh empat mazhab dan kontemporari berkenaan dengan isu ini.

Al-Quran dan hadis juga menjelaskan balasan terhadap mereka yang enggan membayar zakat dengan sekatan terhadap rezeki semasa di dunia dan seksaan azab yang amat pedih di akhirat kelak. Tidak cukup dengan itu, pemerintah Islam pula berhak menjatuhkan hukuman kepada mereka yang enggan membayar zakat dengan diambil hartanya pada kadar zakatnya dan denda daripada baki hartanya sebagai pengajaran kepadanya dan masyarakat umum.

Undang-undang di negara kita juga terlibat dan memainkan peranan penting dalam isu hukuman terhadap mereka yang enggan membayar zakat. Ia diselenggara oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), satu badan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam sebagai mewakili sultan atau agong. Keengganan membayar zakat telah dikategorikan sebagai satu kesalahan di bawah peruntukan dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah masing-masing.

Semoga buku ini menjadi panduan berguna kepada pelbagai lapisan masyarakat sama ada individu perseorangan mahupun pihak berwajib seperti pusat-pusat zakat, baitulmal dalam memahami falsafah pensyariatan zakat, hukum mengabaikannya menurut al-Quran dan hadis, kupasan ahli agama terhadapnya serta undang-undang yang berkaitan dengannya di Malaysia.

Apa yang diharapkan daripada penulisan ini adalah kesedaran semua pihak tentang kepentingan menunaikan zakat dan kesan daripada tidak membayarnya. Pada masa yang sama, semua usaha termasuk tarbiyah, pendidikan dan dakwah perlu diteruskan agar umat Islam sentiasa peka tentang kewajipan menunaikan zakat dan sentiasa mengingati antara satu sama lain demi kemajuan umat Islam di dunia.

Kata-kata hikmah kepada umat Islam: “Wahai insan, tunaikanlah apa yang Allah telah wajibkan ke atas kamu di dalam soal harta benda kerana ia akan menjaga maruahmu, kemuliaanmu, membersihkan hartamu dan mensucikan dirimu. Takutlah kepada sikap kedekut kerana ia telah menyebabkan umat sebelummu musnah binasa. Jauhilah sikap bakhil untuk mengeluarkan dan membelanjakan hartamu untuk apa yang Allah wajibkan. Sesungguhnya sikap bakhil itulah punca kebinasaanmu dan terhapusnya keberkatan pada hartamu. Wahai insan, sesungguhnya kewajipan terbesar dalam membelanjakan harta kerana Allah ialah menunaikan zakat kerana ia rukun Islam ketiga yang sering diikuti kewajibannya selepas solat. Sedarlah jika solat itu suatu perintah terbesar, tentulah zakat juga begitu kerana ia kerap kali disebut selepas kewajipan solat”.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran Al-Karim
- Abdullah Ahmad. (1416H). *Mukhtasar Tafsir al-Baghawiyy*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Abdullah Jarullah. (1984). *Masarif al-Zakah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abu Dawud, Sulayman bin Al-Ash'ath. (t.t.h). *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bakriyy, Abu Bakar. (t.th). *I'annah Al-Tolibin*. t.tp: tpt.
- Ahmad Abdul Aziz. (1984). *Al-Mursyid fi Ahkam al-Zakah*. Kuwait: Zat al-Salasil.
- Ahmad bin Muhammad bin Salmah. (1996). *Sharah Ma'aniyy al-Athar*. t.tp: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ahmad Shahir bin Makhtar et.al. (2010). *Transformasi Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Kepentingan dan Cabarannya*. Seminar Syariah dan Undang-undang Kebangsaan 2010.
- Akram Kassab. (2008). *Taisir Ahkam Al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-'Ainiyy. Mahmud Ahmad Badruddin. (1427 H). *Umdat al-Qariyy Syarah Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Albaniyy. (t.th). Muhammad Nasiruddin. *Daif al-Tarhib wa al-Tarhib*. Riyadh: Maktabah al-Maarif.
- Al-Baghawiyy, Al-Husayn Mas'ud. (1997). *Ma'alim al-Tanzil*. Arab Saudi: Dar al-Tayyibah.

- Al-Haithamiyy, Ali Abi Bakr. (1414H). *Majma' al-Zawaid wa Manba' al-Fawaid*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Hakim. Muhammad Abdillah. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Hattab, Abu Abdullah Muhammad bin Abd Rahman. (1978). *Mawahib al-Jalil li Sharah Mukhtasar Khalil*. t.tp: t.pt.
- Al-Jawziyy. Abdul Rahman Ali. (1404H). *Zad Al-Muyassar fi Ilm al-Tafsir*. Beirut: Al-maktabah Al-Islamiyyah.
- Al-Khamis, Muhammad Abdul Rahman. (1419H). *Iktiqad Ahli al-Sunnah Syarah Ashab Al-Hadis*. Arab Saudi: Wizarah al-Syuun al-Islamiyyah wa al-awqaf.
- Al-Makhzumiyy, Mujahid. (t.th). *Tafsir Mujahid*. Beirut: Al-Mansyurat Al-Ilmiyyah.
- Al-Mardawiyy, 'ala'udin Abu Hasan Ali bin Sulaiman bin Ahmad. (1977). *Al-Insof fi Ma'rifah Al-Rajih min al-Khilaf 'ala Mazhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Munawiyy, Abdul Rauf. (1356H). *Faidhul Qadir Syarah al-Jami' al-Saghir*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Munawiyy, Abdul Rauf. (1988). *Faidhul Qadir Syarah al-Jami' al-Saghir*. Riyadh: Dar al-Nashr.
- Al-Munziriyy. Abdul Azim. (1414H). *Al-Tarhib wa al-Tarhib*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawiyy, Yahya Syaraf. (1392H). *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim*. Beirut: Dar lhya al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Nawawiyy. (1997). *al-Majmuk* Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Qardhawiyy, Yusuf. (1997). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sa'diyy, Abd rahman Nasir. (2000). *Taysir Al-Karim Al-Rahman*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-San'aniyy, Abdul Razzaq. (1410H). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Sharbiniyy. (1997). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syawkaniyy, Muhammad Ali. (2002). *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tabraniyy, Sulaiman Ahmad. (1404H). *Al-Mu'jam Al-Kabir*. t.tp: Maktabah al-Ulum wa al-Hikam.
- Al-Tirmiziyy, Muhammad Isa. (t.th). *Al-Jami' Al-Sahih*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Tabariyy. Muhammad Jarir. (1420H). *Jami' al-Bayan fi Takwil al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Audah, Muhammad. (1425H). *Risalah fi Usus al-Aqidah*. Arab Saudi: Wizarah al-Syuun al-Islamiyyah wa al-Awqaf.
- Harras, Muhammad Khalil. (1413H). *Syarah al-Aqidah al-Wasitiyyah*. Riyadh: Al-Riasah al-Ammah li Idarat al-Buhuth al-Ilmiyyah.
- Hasan, Ezani. (2006). *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM.
- *Hasiyah Al-Tohawiyy 'ala al-Maraqiyy*. (t.th). t.tp: tpt.
- Ibnu Hajar al-'Asqalaniyy, Ahmad Ali. (1397H). *Fathul Bariyy Syarah Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar al-Makrifah.

- Ibnu Hazm, Ali Ahmab. (1404H). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibnu Hibban, Muhammad. (1414H). *Sahih Ibni Hibban*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Arab Saudi: Dar al-Toyyibah.
- Ibnu Kathir, Ismail Umar. (1420H). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Damsyik: Dar al-Toyyibah.
- Ibnu Majah, Muhammad Yazid. (t.th). *Sunan Ibni Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Manzur. (t.th). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. (1405H). *Al-Mughniyy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Rusyd. (t.th). *Bidayah al-Mujtahid*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Jumuah Muhammad. (t.th). *Zakat al-Amwal wa Kaifiyyat Adaiha fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Kaherah: Dar al-Huda.
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- *Mausu'ah Fatawa Al-Muamalat Al-Maliyyah*. (2010). Kaherah: Dar al-Salam.
- Mahmood Zuhdi. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mohamad Uda Kasim. (2005). *Zakat: Teori, Kutipan dan Agihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

- Muhammad Fuad Abd al-Baqiyy. (2001). *al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Husayn. (1993). *Al-Zakah fi Al-Fiqh Al-Islamiyy*. Kaherah: Maktabah al-Muntazah.
- Muslim Hajjaj. (2006). *Sahih Muslim*. Damsyik: Dar al-Toyyibah.
- Mustafa al-Khin et al. (2008). *Al-Fiqh Al-Manhajiy*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2007). *Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan*. Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007. Kuala Lumpur.
- Solahuddin Mahmood al-Said. (2010). *Al-Jami' fi Fiqh Al-Zakah*. Kaherah: Dar al-Taufiqiah lil Turath.
- <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 15 Oktober 2011.
- Statut-statut
 - Perlembagaan Persekutuan
 - Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982
 - Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
 - Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997
 - Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992
 - Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
 - Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992
 - Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Kelantan)
 - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001
 - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Johor)
 - Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991
 - Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 (Sabah)
 - Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak)

- Kes-kes
 - *Zakat Kedah (Hj. Abdullah bin Haji Muhammad) v Bidun bin Shariff Case No. 303/1965. Magistrates Sungai Petani*
 - *Merinyu Zakat Kedah (Hj. Abdullah bin Haji Muhammad) v Bakar bin Saman Case No: 205/1965 Magistrates Jitra*
 - *Haron Bin Laksamana v Pendakwaraya*
 - *Mahomed Wallie v Pendakwaraya*

INDEKS

A

- Abdullah bin Haji Muhammad, Hj. 66
- Abu Bakar r.a 9, 11, 18, 45
- Abu Hanifah 19
- Abu Hurairah 46
- Al-Ajhuriyy 8
- Ali Jumuah 15
- Al-Hakim 35
- Al-Haythamiyy 38
- Al-Mawardiyy, Imam 4, 10
- Al-Zahabiyy 35, 44

B

- Bakar bin Saman 66
- Bani Israil 27
- Bidun bin Shariff 66

F

- Firaun 13

H

- Hanafiyy 8
- Hanbaliyy 9
- Haron bin Laksamana 66

I

- Ibnu Abbas 26, 43
- Ibnu Hajar al-'Asqalaniyy 40
- Ibnu Qudamah 9
- Ibnu Rusyd 9
- Ibnu Umar 5
- Ibrahim 1
- Isa a.s 2
- Ishaq 1, 19

J

Jabir 26

K

Kedah 66

M

Madinah 2

Mahomed Wallie 67

Muhammad iii, 1

Muslim iii, 11, 12, 13, 35, 44, 45

Malaysia v, vi

Malik 19

Malikiyy 9

Musa a.s 13

N

Nawawiyy 9

P

Perak 66

R

Ramadan 64

S

Shafi'iy 9, 19, 37

Syeikh Akram Kassab 15

Sheikh Nasir al-Din al-Albaniyy 36, 37, 38, 41, 44, 45

Sheikh Syu'aib al-Arnaut 42

U

Umar al-Khattab r.a 9, 11

Y

Ya'qub 1

Yusuf al-Qardhawiyy 10, 11



Buku “Keengganan Membayar Zakat Menurut Perspektif Syarak Dan Perundangan Islam Di Malaysia” memberi penekanan kepada kaedah pemulihan yang dianjurkan oleh Al-Quran dan diperkemas lagi dengan pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW kepada golongan-golongan yang enggan mengeluarkan zakat. Perbincangan juga turut merangkumi pandangan daripada perspektif perundangan Islam yang sedia ada di Malaysia. Penerbitan buku ini merupakan salah satu kesinambungan usaha daripada penulisan ulama-ulama terdahulu yang berkaitan dengan zakat tetapi menggunakan kaedah perbahasan terkini yang memberi fokus kepada isu keengganan membayar zakat dikalangan umat Islam. Walaupun masih terkawal, ia sedang menular dalam masyarakat tanpa kita sedari akibat kemerosotan tahap keimanan dalam diri manusia. Semoga buku ini dapat memberi maklumat asas tambahan kepada masyarakat yang berminat untuk mengetahui dan memahami tentang kesan daripada keengganan membayar zakat dalam Islam dan perundangan di Malaysia.

BIODATA PENULIS

Azman Bin Ab Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkelulusan Sarjana Muda daripada Universiti al al-Bayt, Mafrag, Jordan dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh. Kemudian memperolehi Sarjana dan Doktor Falsafah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia juga dalam bidang Fiqh dan Usul al-Fiqh. Bergiat aktif dalam bidang penyelidikan dan penulisan khususnya dalam bidang zakat.

Amiruddin Bin Mohd Sobali, Pensyarah, Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkelulusan Sarjana Muda dan Sarjana daripada daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang hadis.

Tuan Syed Mohd Najib Bin Syed Omar, Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkelulusan Diploma Pengajian Islam daripada Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) dan Sarjana Muda daripada Universiti Sains Islam Malaysia dalam bidang Syariah dan Kehakiman. Kemudian memperolehi Sarjana daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang Perbandingan Undang-undang.

